

Pembangunan Laman Sesawang Kemahiran Mendengar Bahasa Arab (Maharat al-Istima' wa al-Fahm): Mendokong Dasar e-Pembelajaran di UKM

Kod Projek: UKM-PTS-2011-106

¹Moktar Hussain (Ketua Projek), ³Ahmad Abdul Rahman, ¹Ibtisam Abdullah, ¹Md. Zaki Mat,
¹Mohd Shukeri Hj. Hamzah, ²Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & ¹Zamri Ahmad

¹Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam, ²Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

³Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan
Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu, Kelantan

PENGENALAN

Kursus PPPY1142 *Maharat al-Istima' wa al-Fahm* (Kemahiran Mendengar dan Memahami) merupakan salah satu kursus kemahiran bahasa Arab yang mesti diikuti oleh semua pelajar yang mengikuti program Sarjanamuda Pengajian Islam. Pada mulanya kursus ini ditawarkan oleh Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM. Namun, dengan tertubuhnya Unit Bahasa Arab di fakulti ini, kursus ini dipertanggungjawabkan kepada unit ini untuk dikendalikan. Pelajar yang mengikuti program ini juga dikehendaki lulus dalam peperiksaan yang ditetapkan untuk kursus ini bagi melayakkan mereka bergraduasi setelah tamat mengikuti program tersebut. Berdasarkan urutan yang ditetapkan oleh pihak Fakulti Pengajian Islam, kursus ini merupakan kursus kemahiran bahasa Arab yang keempat dan terakhir yang akan diikuti oleh pelajar. Ini sekaligus memberi pengertian bahawa pra-syarat bagi kursus ini ialah: (1) PPPY1112 *Maharat al-Qiraah*; (2) PPPY1122 *Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah*; dan (3) PPPY1132 *Maharat al-Kitabah*. Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam yang bertanggungjawab mengendalikan kursus *Maharat al-Istima' wa al-Fahm* telah menggunakan beberapa pendekatan dalam proses pengajaran kursus ini. Antara pendekatan yang digunakan pada permulaan penawaran kursus ini ialah dengan membekalkan setiap pengajar alat pemain kaset (cassette player) untuk memperdengarkan teks-teks Arab melalui kaset-kaset yang diperolehi daripada negara timur tengah. Selain itu, pengajaran kursus ini juga pernah menggunakan pemain cakera liut (cd player) fail-fail audio yang mengandungi teks-teks Arab dipindahkan ke dalam cd-rom dan akan dimainkan dalam bilik-bilik kuliah.

Oleh kerana perkembangan teknologi ICT dan multimedia terus berkembang dalam arena pendidikan, maka pendekatan terbaru seiring dengan perkembangan tersebut perlu difikirkan sama dalam meningkatkan daya kreativiti para tenaga pengajar kursus ini. Pengenalan e-kandungan dalam pengajaran telah menjadi isu penting dalam arus pendidikan hari ini. Ini memberi maksud bahawa bahan-bahan yang digunakan dalam penyampaian silibus kursus bukan lagi terbatas kepada bentuk hasil percetakan

tradisional. Satu bentuk transformasi telah berlaku dalam aplikasi pengajaran dan pembelajaran di mana penggunaan internet telah diberi perhatian yang cukup tinggi di kalangan penggubal dan pengamal pendidikan di negara ini. Oleh itu, pengajaran kursus *Maharat al-Istima' wa al-Fahm* yang sememangnya sinonim dengan penggunaan apa jua alat pendengaran tidak terlepas melusuri tranformasi tersebut. Penulis sebagai ketua bagi kursus ini berpandangan bahawa pengajaran kursus ini perlu menggunakan media internet dengan mewujudkan satu laman sesawang yang akan memuatkan bahan-bahan pengajaran dalam bentuk audio-visual dan boleh diakses oleh tenaga pengajar dan para pelajar di mana sahaja mereka berada pada bila-bila masa.

Pembinaan laman sesawang bagi kursus ini perlu diwujudkan setelah mengambil kira beberapa rasional yang difikirkan menepati keperluan tersebut. Pembelajaran bahasa Arab melalui laman sesawang merupakan satu proses pembelajaran yang perlu diterapkan berdasarkan kepentingan-kepentingan berikut (Rahimi et. al, t.th.):

1. Mencapai keberkesanan yang maksimum dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
2. Pembelajaran yang maksima dalam jangka waktu yang singkat dan kos yang minima.
3. Kesejagatan sumber pengajaran dan pembelajaran.
4. Mengurangkan bebanan dan menjimatkan masa guru dalam penyediaan bahan bantu mengajar.
5. Membantu menyelesaikan penyampaian konsep yang abstrak secara lebih baik.
6. Menyediakan bahan bantu mengajar yang relevan dengan teknologi hari ini.

Laman sesawang bagi kursus *Maharat al-Istima' wa al-Fahm* yang dibangunkan akan memuatkan bahan-bahan audio dan visual yang memaparkan teks-teks berbahasa Arab yang dituturkan oleh penutur berbahasa Arab sendiri. Teks-teks tersebut akan dipelajari dalam bilik-bilik kuliah melalui sesi perbincangan, pembentangan dan soal-jawab. Selain itu, soalan-soalan latihan juga akan dimuatkan dalam laman sesawang ini untuk dipraktikkan oleh pelajar yang mengikuti kursus ini dan akan penyelesaian kepada soalan-soalan tersebut turut mengambil tempat dalam perbincangan di dalam bilik-bilik kuliah.

PERNYATAAN MASALAH

Laman sesawang yang digunakan oleh tenaga pengajar kursus *Maharat al-Istima' wa al-Fahm* pada masa sekarang tidak menepati ciri-ciri laman sesawang yang boleh membantu pelajar mempelajari kursus tersebut secara komprehensif. Ini dapat dilihat melalui pembangunan laman sesawang tersebut yang lebih bersifat statik dan bukannya interaktif. Pengajar hanya boleh menyampaikan bahan pengajaran melalui laman sesawang tersebut dan pelajar hanya boleh menerima bahan-bahan yang dimuatnaik oleh pengajar ke dalam laman sesawang tersebut. Dengan lain perkataan, pelajar tidak boleh berinteraksi dengan pengajar atau rakan pelajar yang lain melalui laman sesawang tersebut. Kemahiran mendengar merupakan satu kemahiran yang menggabungkan antara pendengaran secara fisiologi dengan tindak balas daripada pendengar terhadap apa yang didengar. Ia juga merangkumi usaha pendengar untuk mentafsirkan apa yang didengar dengan suara atau pergerakan atau tingkahlaku yang berkaitan dengan apa yang didengarinya (Zamri &

Moktar, 2007; Rost, 1990). Justeru kajian yang dijalankan pada tahun 1928 menunjukkan bahawa orang ramai menghabiskan masa mereka sebanyak 45% untuk mendengar, 30% untuk perbualan dan 25% untuk membaca dan menulis (Zamri, 2001).

Kursus *Maharat al-Istima' wa al-Fahm* di Fakulti Pengajian Islam pernah menggunakan laman sesawang dalam proses pengajarannya pada tahun 2008-2009. Namun disebabkan kepakaran yang dimiliki oleh tenaga pengajar yang mengendalikan kursus tersebut agak terbatas, maka laman sesawang tersebut tidak dapat dikemaskini dan akhirnya ia tidak digunakan lagi. Justeru pengajaran kursus tersebut dilaksanakan seperti biasa iaitu dengan memperdengarkan teks-teks pengajaran melalui komputer riba atau pemain cd-rom di bilik-bilik kuliah.

Dengan pembangunan laman sesawang yang baru bagi pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran kursus ini, beberapa ciri penambahbaikan diharapkan dapat diimplementasikan dalam proses tersebut. Ciri-ciri penambahbaikan tersebut adalah seperti berikut:

1. Memuatkan bahan-bahan audio-visual yang lebih jelas dalam persembahan dan menggunakan gaya bahasa yang mudah difahami oleh pelajar.
2. Menggunakan paparan teks yang mudah dibaca oleh pelajar.
3. Mengandungi bahan-bahan sokongan yang boleh membantu pelajar memahami bahan-bahan yang diakses melalui laman sesawang tersebut.
4. Mengandungi aktiviti-aktiviti berbentuk latihan yang boleh mengembangkan pemikiran pelajar selain daripada apa yang diperolehi dalam bilik kuliah.

Dengan ciri-ciri penambahbaikan, beberapa kelemahan yang dihadapi dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus tersebut akan dapat diatasi secara berkesan. Malah sesuatu proses pengajaran pada masa kini dianggap kurang efektif apabila kaedah yang diguna pakai tidak diintegrasikan dengan teknologi ICT seperti komputer dan internet.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mewujudkan sebuah laman sesawang yang dijadikan modul asas dalam proses pengajaran dan pembelajaran kursus PPPY1142 *Maharat al-Istima' wa al-Fahm*.
2. Mengintegrasikan pendekatan tradisional dengan teknologi maklumat terkini dalam pengajaran bahasa Arab di Fakulti Pengajian Islam.
3. Menilai keberkesanan penggunaan laman sesawang ini dalam meningkatkan motivasi para pelajar untuk meningkatkan penguasaan bahasa Arab mereka.
4. Menilai tahap pencapaian pelajar yang mengikuti kursus *Maharat al-Istima wa al-Fahm* menggunakan laman sesawang.
5. Menilai persepsi dan tahap kepuasan tenaga pengajar dalam menggunakan laman sesawang ini dalam proses pengajaran kursus *Maharat al-Istima wa al-Fahm*.

6. Memaksimumkan penggunaan teknologi maklumat yang disediakan di Universiti dalam proses pengajaran dan pembelajaran *Maharat al-Istima wa al-Fahm*.
7. Meletakkan proses pengajaran dan pembelajaran kursus *Maharat al-Istima wa al-Fahm* dalam arus aplikasi e-Pembelajaran di tahap yang menggalakkan.

METODE KAJIAN

1. Bagi mendapatkan data, kajian ini menggunakan beberapa instrumen seperti tinjauan, temu bual dan borang soal selidik. Tinjauan akan digunakan bagi melihat sejauh mana pelaksanaan penggunaan laman sesawang ini di kalangan tenaga pengajar dan para pelajar yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran kursus *Maharat al-Istima' wa al-Fahm*.
2. Temu bual akan dijalankan ke atas tenaga pengajar dan pelajar kursus ini bagi mengetahui sejauh mana penggunaan laman sesawang ini boleh membantu mereka dalam meningkatkan tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan para pelajar.
3. Borang soal selidik juga akan diedarkan kepada responden yang terdiri daripada tenaga pengajar dan para pelajar kursus *Maharat al-Istima' wa al-Fahm* bagi melihat keberkesanan penggunaan laman sesawang *Maharat al-Istima' wa al-Fahm* dalam pengajaran dan pembelajaran dan sejauhmanakah kaedah ini dapat membantu mereka meningkatkan minat dan tahap penguasaan mereka dalam kemahiran mendengar.
4. Borang soal selidik juga akan digunakan untuk mengenalpasti kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam laman sesawang tersebut bagi tujuan penambahbaikan.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Kajian tentang pembinaan laman sesawang dalam pengajaran bahasa sudah banyak dijalankan di peringkat global dan dalam pelbagai bahasa. Ya-Ting C. Yang dan Chia-Ying Chan (2008) mengkaji tentang penilaian kriteria yang komprehensif terhadap laman sesawang pembelajaran bahasa Inggeris dalam artikelnya yang berjudul *Comprehensive Evaluation Criteria for English Learning Websites Using Validity Expert Surveys*. Rosni Samah (2003) turut membicarakan tentang kepentingan internet dalam pengajaran bahasa Arab dalam tulisannya berjudul 'Penggunaan Internet dalam Pengajaran Bahasa: Kajian Terhadap Pengajaran Bahasa Arab Komunikasi Pelancongan'. Mengulas tentang hubungan kait pengajaran. Selain itu, Gregor Kennedy, Tom Petrovic dan Mike Keppell (1998) turut memperkatakan tentang beberapa kriteria dalam menilai pembangunan bahan multimedia untuk proses pembelajaran berbantuan komputer dalam artikel berjudul *The Development of Multimedia Evaluation Criteria and A Program of Evaluation for Computer Aided Learning*.

PENCAPAIAN PROJEK (OUTPUT)

Modul Kursus *Maharat al-Istima' wa al-Fahm*

1. Laman Sesawang: www.ukm.my/istima

2. Buku Latihan berserta CD-Rom: Md. Zaki Mat, Mohd Shukeri Hamzah & Moktar Hussain. 2011. *Maharat al-Istima' wa al-Fahm: Kitab al-Tadribat*. Bangi: Unit Bahasa Arab, FPI, UKM.

Penerbitan (Makalah dalam Prosiding)

1. Moktar Hussain & Mohd Shukeri Hj. Hamzah. 2010. *Penambahbaikan Laman Sesawang untuk Pengajaran Kursus Kemahiran Mendengar Bahasa Arab di Fakulti Pengajian Islam, UKM* dalam Prosiding Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2010. Bangi: Pusat Pembangunan Akademik, UKM.
2. Mohd Shukeri Hamzah, Moktar Hussain, Md. Zaki Mat & Zamri Ahmad. 2011. *Mafhum al-Istima' wa Ahammiyatuh fi al-Tawasul* dalam Prosiding (Atas Talian) Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011 (SAPBA'11). Bangi: Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam UKM. <http://www.ukm.my/sapba/prosiding%20sapba11.html>

Persidangan/Bengkel

1. Moktar Hussain & Mohd Shukeri Hj. Hamzah. 2010. *Penambahbaikan Laman Sesawang untuk Pengajaran Kursus Kemahiran Mendengar Bahasa Arab di Fakulti Pengajian Islam, UKM*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2010. Pada 13-15 Disember 2010 di Everly Resort Hotel, Melaka.
2. Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011 (SAPBA'11). *Mafhum al-Istima' wa Ahammiyatuh fi al-Tawasul*. Kertas Kerja dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011 (SAPBA'11) pada 5-6 Disember 2011 bertempat di Faculty of Arabic Language, Beijing Foreign Studies University (BFSU), Beijing, China.
2. Bengkel Pemurnian Modul Kursus Maharat al-Istima' wa al-Fahm, 7 & 9 Februari 2012. Makmal Bahasa Arab 2, Fakulti Pengajian Islam, UKM.

Modal Insan (Pembantu Penyelidik)

Dalam proses pelantikan

PERBELANJAAN

:: Maklumat Kewangan Penyelidikan

Kod Penyelidikan : UKM-PTS-067-2010

Sehingga Tarikh : 23/03/2012

VOTE	Agihan	Tambah / Kurang	Viremen	Peruntukan Terlaras	Komitmen	Belanja	Baki	
2011	Disember							
V21000	Travel & Transportation	0.00	0.00	0.00	0.00	1,500.00	0.00	-1,500.00
V26000	Research Materials & supplies	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	2,030.00	-2,030.00
Jumlah Bagi Tahun : 2011		0.00	0.00	0.00	0.00	1,500.00	2,030.00	-3,530.00
2010	Disember							
V00000	Miscellaneous	10,000.00	0.00	0.00	10,000.00	0.00	0.00	10,000.00
V21000	Travel & Transportation	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	1,000.00	-1,000.00
V26000	Research Materials & supplies	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	4,000.00	-4,000.00
Jumlah Bagi Tahun : 2010		10,000.00	0.00	0.00	10,000.00	0.00	5,000.00	5,000.00
Jumlah Keseluruhan :		10,000.00	0.00	0.00	10,000.00	1,500.00	7,030.00	1,470.00

RUJUKAN

- Gregor Kennedy, Tom Petrovic & Mike Keppell. 1998. *The Development of Multimedia Evaluation Criteria and A Program of Evaluation for Computer Aided Learning* dalam Proceedings of Australasian Society for Computers in Learning in Tertiary Education Conference, Ascilite 1998, Wollongong, Australia. Hlm. 407-415.
- Rosni Samah. 2007. *Penggunaan Internet dalam Pengajaran Bahasa: Kajian Terhadap Bahasa Arab Komunikasi Pelancongan* dalam MEDC Journal. Vol. 1. Dec. 2007. Hlm. 83-95.
- Ya-Ting C. Yang dan Chia-Ying Chan. 2008. *Comprehensive Evaluation Criteria for English Learning Websites Using Expert Validity Surveys* dalam Science Direct: Computers & Education 51. Hlm. 403-422.